



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB PERDANA MENTERI**

---

**PEMBAYARAN FASA 3 DAN RAYUAN BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM)  
BERNILAI RM2.2 BILION MULAI 20 SEPTEMBER 2022 (SELASA)**

---

1. Kerajaan sentiasa mengutamakan kebijakan seluruh Keluarga Malaysia terutama ketika negara berdepan dengan cabaran kenaikan inflasi dan juga krisis geopolitik yang memberi kesan menyeluruh terhadap rantaian global.
2. Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) merupakan komitmen berterusan Kerajaan bagi meringankan beban golongan B40. Maka hari ini saya mengumumkan:
  - i. Pembayaran Fasa 3 dan Rayuan BKM akan dikreditkan ke dalam akaun penerima mulai **20 September 2022** secara berperingkat dan dijangka selesai pada **27 September 2022**.
  - ii. Pembayaran berjumlah **RM2.2 bilion** ini akan memanfaatkan seramai **8.7 juta penerima** yang terdiri daripada penerima BKM sedia ada kategori isi rumah, warga emas bujang/tiada pasangan dan bujang serta mereka yang telah lulus Rayuan BKM.
  - iii. Untuk BKM Fasa 3, setiap penerima BKM sedia ada bakal menerima **sehingga RM900**. Lebih daripada 80,000 penerima telah diluluskan Rayuan BKM dan akan menerima **sehingga RM2,350** mengikut kategori kelayakan masing-masing termasuk Bantuan Tunai Tambahan yang diumumkan Kerajaan pada Jun yang lepas.

- iv. Sehingga September 2022, sebanyak **RM5.9 billion** telah disalurkan kepada penerima BKM melalui fasa pembayaran yang telah ditetapkan dan masih terdapat bayaran fasa 4 berjumlah **RM2.1 billion** yang akan disalurkan kepada mereka yang layak pada Disember 2022.
3. **Semakan status pembayaran boleh dibuat mulai 20 September 2022** melalui pautan <https://bkm.hasil.gov.my>.
4. Kerajaan kekal komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia terutamanya kumpulan sasar dengan aspek jaringan keselamatan sosial akan terus diberi tumpuan di dalam Bajet 2023.

**#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB  
16 September 2022**